



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 12 Tahun 2020

PEMAKLUMAN PENAKRIFAN SEMULA KEBERADAAN STAF AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf akademik berkenaan penakrifan semula keberadaan staf akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah diluluskan pemakaiannya melalui Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 20/2019 bertarikh 28 Ogos 2019 sebagai respon kepada perubahan kepelbagaian tugas dan kebolehcapaian berikutan era teknologi pintar dan Revolusi Industri 4.0.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penakrifan semula keberadaan staf akademik adalah berdasarkan konsep amanah yang mesti diterapkan dalam kalangan staf. Amanah bermaksud rela dan berusaha melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dalam batas kuasa ditentukan dengan penuh gigih, selain ikhlas bagi mencapai matlamat ditetapkan. Amanah juga melibatkan sifat luhur dan murni, jujur kepada diri, rakan serta organisasi.
- 2.2 Tugas staf akademik telah ditetapkan melalui konsep Amanah Tugas Pensyarah (ATP). Secara dasarnya, seorang pensyarah bertugas selama minimum 39 jam seminggu dan tugas tersebut dikategorikan dalam empat kategori berikut:
 - a. ATS: Amanah Tugas Syarahan yang merangkumi Konteks Syarahan (KS) dan Persediaan Syarahan (PS)
 - b. K1: Penyeliaan
 - c. K2: Penyelidikan, Penerbitan dan Penulisan, Perundingan, dan Inovasi
 - d. K3: Pentadbiran dan Perkhidmatan
- 2.3 Agihan tugas akademik adalah di bawah tanggungjawab fakulti/kampus. Seorang pensyarah boleh diberikan beban tugas mengikut keperluan fakulti/kampus dan dibenarkan menjalankan tugas di luar fakulti/kampus bergantung kepada perincian, kaedah, dan keperluan tugas tersebut. Secara dasarnya, universiti telah meluluskan Pelaksanaan Penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran Secara Fleksibel melalui Mesyuarat MEU Bil. 21/2018 bertarikh 29 Ogos 2018.

2.4 Oleh itu, penakrifan semula keberadaan adalah:


Ketetapan di mana staf akademik berada ketika melaksanakan tugas termasuk lokasi fizikal atau secara dalam talian. Keberadaan staf akademik tidak menghadkan staf akademik tersebut berada di pejabat dan kampus sepanjang tempoh waktu bekerja.

2.5 Untuk staf akademik, keberadaan direkodkan daripada:

- Keberadaan lazim di kampus untuk menyempurnakan kuliah/tutorial/makmal/bengkel/studio/dapur/klinikal/praktikal/padang berdasarkan KS yang diberi;
- Keberadaan di kampus untuk tujuan konsultasi dan libat sama di antara pelajar dan rakan fakulti; dan
- Keberadaan fleksibel untuk menyempurnakan penyampaian fleksibel, K1, K2, dan K3.

2.6 Ketiga-tiga kategori ini adalah berdasarkan kepelbagaian tugas dan waktu menyempurnakan tugas, keupayaan teknologi menyokong tugas dan pelaporannya, serta keperluan menjalinkan hubungan profesional.

2.7 Gambar rajah di bawah menunjukkan kerangka keberadaan staf akademik:



3.0 PELAKSANAAN

3.1 Keberadaan staf akademik adalah dilaksanakan seperti berikut:

- a. Staf akademik menetapkan sasaran tugas dan mendaftarkannya di dalam sistem MyATP.
- b. Jam keberadaan yang mesti dipenuhi adalah bersamaan dengan jam Amanah Tugas Pensyarah (ATP) iaitu 39 jam (minimum).
- c. Menurut tetapan asal atau by *default*, staf akademik perlu berada di kampus untuk melaksanakan tugas jika tiada keperluan untuk melaksanakan K1, K2, atau K3 secara fleksibel.
- d. Keberadaan fleksibel tidak membolehkan staf akademik menyempurnakan hal peribadi semata-mata.
- e. Sistem rekod dan pelaporan kehadiran fleksibel seperti sistem eClock dan i-Hadir perlu dimanfaatkan oleh fakulti dan kampus untuk membolehkan staf akademik melaksanakan amanah tugas dengan keberadaan fleksibel.
- f. Pelaporan sistem keberadaan adalah tertakluk kepada terma seperti berikut:
 - Staf akademik berada di kampus by *default*.
 - Staf akademik perlu memastikan beliau boleh dihubungi pejabat dan pelajar dalam tempoh waktu bekerja.

4.0 TINDAKAN

4.1 Berikutan daripada penakrifan semula keberadaan staf akademik ini:

- a. Dekan dan Rektor perlu mengambil maklum mengenai penakrifan keberadaan staf akademik dengan tiga kategori keberadaan iaitu K1, K2, dan K3 serta melaksanakan kaedah pelaporan yang bersesuaian.
- b. Dekan dan Rektor perlu menentukan jam keberadaan para pensyarah di kampus menurut tanggungjawab serta keperluan fakulti dan kampus seperti keberadaan K1, K2, dan aktiviti konsultasi dan libat sama di antara pelajar, rakan fakulti, masyarakat, dan industri.
- c. Dekan dan Rektor perlu memantau keberadaan staf akademik dan memastikan hasil pembelajaran pelajar dan sasaran fakulti dan kampus tercapai.

4.2 Dekan dan Rektor dimohon menggunakan kearifan masing-masing untuk melaksanakannya agar keharmonian warga dan keberhasilan staf akademik tercapai.

5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasa pekeliling ini maka Pekeliling Akademik Bil. 05/2003 berkenaan Keberadaan Staf Akademik di Kampus dengan jumlah sekurang-kurangnya 38.5 jam seminggu adalah terbatal.

6.0

TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 18 Jun 2020.

7.0


TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 18 Jun 2020.

8.0 PEKELILING BERKAITAN

Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama:

- a. Pekeliling Naib Canselor Bil. 17/2020: Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
- b. Surat Pekeliling Akademik Bil. 01/2020: Pelaksanaan Penyampaian dan Penilaian Pembelajaran Berikutan Penularan Wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan.



PROFESOR Ts. Dr. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 18 Jun 2020